

Kajian - Mahathir (Pendidikan) ''
MALAYSIA BERCADANG MENSEJAGAT PENDIDIKAN, KATA PM

KUALA LUMPUR, 16 Dis (Bernama) -- Malaysia bercadang mempertingkatkan pendidikan sebagai satu ciri penting dalam industri perkhidmatan dan akhirnya mensejagatkan pendidikan, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini.

Terdapat keperluan memajukan pendidikan sebagai satu perkhidmatan yang boleh dieksploitasi, katanya ketika membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keenam (RME) di Dewan Rakyat.

Oleh yang demikian kerajaan akan mengkaji kemungkinan membolehkan institusi pengajian tinggi swasta menganugerah ijazah dan membolehkan institusi luar negeri ternama menubuhkan kampus cawangan di negara ini, katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan akan mengkaji semula Akta Universiti dan Kolej Universiti dengan tujuan menyediakan perundangan, peraturan serta garis panduan bagi penubuhan institusi pendidikan tinggi swasta.

Teras keseluruhan pendidikan dan latihan ialah untuk meningkatkan aksesibiliti melalui penyediaan kemudahan tambahan, meningkatkan kualiti menerusi pembaikan kurikulum dan bahan-bahan pembelajaran, di samping memajukan sistem penyampaian dengan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran tenaga pengajar. - lagi.

▼16/12/19-46MST

U GB 16-12 00143 PA748

aah dhc

Kajian - Mahathir (Pendidikan) 2 Kuala Lumpur

Perdana Menteri juga mengumumkan rancangan membina 12,000 lagi bilik darjah di peringkat sekolah rendah dan menengah bagi menampung tambahan 480,000 pelajar.

Ini akan membantu mengurangkan kesesakan di sekolah dalam bandar dan menggantikan kemudahan usang di luar bandar.

Bagi meningkatkan tenaga manusia dalam bidang sains dan teknologi, 100 sekolah menengah teknik baru dan 38 sekolah menengah vokasional akan dinaikkan taraf untuk membolehkan lebih ramai pelajar mengambil mata pelajaran elektif sains, vokasional dan kejuruteraan.

Bagi meningkatkan penyertaan kanak-kanak cacat dan mereka yang mempunyai masalah pembelajaran, sebanyak 11 sekolah khas yang baru akan dibina untuk kira-kira 1,320 kanak-kanak cacat pendengaran dan penglihatan.

Selain memperluas program latihan guru, kemudahan memasuki institusi pengajian tinggi akan ditambah dengan membesarkan institusi yang ada dan penambahan kemudahan baru. - lagi.

▼16/12/20-24MST

Empat politeknik baru di Dungun, Johor Bahru, Pulau Pinang and Shah Alam serta kampus cawangan Institut Teknologi Mara (ITM) di Merbuk akan dibina.

Pelan induk akan juga disediakan bagi kampus cawangan ITM di Pulau Pinang, kompleks perubatan Universiti Islam Antarabangsa di Kuantan dan kampus tetap Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) di Sarawak. Bila siap, institusi ini akan menyediakan tambahan 47,000 tempat di peringkat pengajian tinggi.

Dr Mahathir berkata rancangan jangka panjang akan digubal bagi pendidikan tinggi kerana pembangunan ekonomi akan mencetuskan permintaan bagi tenaga manusia tambahan dengan peringkat pendidikan tinggi.

Katanya, ini akan menambah pengambilan di peringkat pengajian tinggi kepada 20 peratus dari kumpulan umur 19-24 tahun menjelang tahun 2020, berbanding hanya 7.3 peratus dalam 1990.

Sektor swasta akan juga memainkan peranan lebih besar dalam menyediakan pendidikan tinggi. Institusi latihan yang sekarang ini dikendalikan oleh syarikat besar seperti Petronas, Tenaga Nasional Berhad dan Telekom Malaysia akan dinaikkan taraf menjadi institusi pendidikan tinggi dengan tenaga pengajar yang berkeelayakan. - Bernama.

▼16/12/20-39MST